

Subseksyen 30(7) memperuntukkan rayuan terhadap pampasan notis rekuisisi (permintaan) daripada PBPT sekiranya seseorang tidak berpuas hati dengan :

Jumlah amaun pampasan yang telah diberikan kepadanya berbanding dengan jumlah kerosakan atau menyebabkan susut nilai ke atas tanah.

Seksyen 35c memperuntukkan rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok. Rayuan boleh dikemukakan dalam masa satu bulan daripada tarikh perintah pemeliharaan sekiranya seseorang terkilang dengan:

- ☞ Suatu perintah pemeliharaan pokok
- ☞ Mana-mana peruntukkan dalam suatu perintah pemeliharaan pokok.
- ☞ Penolakan suatu pemberian kebenaran bertulis.
- ☞ Mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberian suatu kebenaran bertulis di bawah perenggan 35A(2)(a).
- ☞ Suatu perintah untuk menanam atau menggantikan pokok di bawah perenggan 35A(2)(b).

Seksyen 35D memperuntukkan rayuan terhadap pampasan perintah pemeliharaan pokok sekiranya seseorang yang telah membuktikan:-

- ☞ Pihaknya mengalami kerugian dan berlakunya susut nilai ke atas tanahnya akibat daripada mematuhi perenggan 35C(1)(a) hingga 35C(1)(d).

Seksyen 35E memperuntukkan rayuan terhadap perintah penggantian pokok sekiranya seseorang yang didapati bersalah kerana menebang pokok yang mempunyai perintah pemeliharaan pokok timbul rasa terkilang dengan arahan penggantian pokok itu boleh:

- ☞ Merayu untuk mengenenpikan arahan itu,

- ☞ Merayu untuk mana-mana perintah yang diberikan di bawah perenggan 35E(1)(a) atau (b).
- ☞ Merayu mana-mana terma atau syarat dikenakan di bawah perenggan 35E(1)(d)
- ☞ Melanjutkan tempoh penggantian semula pokok.

cara-cara membuat permohonan **LEMBAGA RAYUAN**

Seorang penolong di Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Terengganu telah dilantik sebagai Pendaf-tar Lembaga Rayuan yang beralamat di :

**Pendaftaran,
Urusetia Lembaga Rayuan Negeri Terengganu,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Terengganu,
Tingkat 4 Wisma Negeri 20646 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
Tel : 09-6301212 Fax: 09-6244117**

- ☞ Semua rayuan hendaklah dikemukakan dalam masa satu bulan daripada tarikh keputusan dikeluarkan oleh PBT.
- ☞ Pemohon hendaklah mengisi borang yang disediakan oleh urusetia serta dihantar ke alamat di atas.
- ☞ Setiap rayuan akan dikenakan caj bayaran sebanyak RM100.00 bagi setiap kes.
- ☞ Mendapatkan khidmat pertanyaan di Lembaga Rayuan Negeri yang berkenaan untuk proses permohonan yang terperinci sebagaimana alamat di atas.

Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi
Jabatan Perancangan Bandar
Majlis Perbandaran Kemaman
Jalan Air Putih, 24000 Kemaman
Terengganu Darul Iman

☎ 09-8597777/8597700 ☎ 09-8595455



www.mpk.terengganu.gov.my



L e m b a g a **Rayuan**



Jabatan Perancangan Bandar

Majlis Perbandaran Kemaman

❧ apa itu **LEMBAGA RAYUAN**

Lembaga Rayuan merupakan satu badan berkecuali (independent body) yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi menyelesaikan pertikaian di antara perayu dengan pihak berkuasa perancangan tempatan khususnya yang terbit dari sesuatu keputusan perancangan yang mana perayu itu sama ada sebagai pembantah, pemohon atau pemilik yang merasa terkilan dengan keputusan pihak berkuasa perancangan tempatan (Seksyen 36 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)).



❧ siapakah ahli **LEMBAGA RAYUAN**

Subseksyen 36(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan supaya ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan di dalam dan bagi Negeri yang diwakili oleh:-

- ❧ Seorang Pengerusi
- ❧ Seorang Timbalan Pengerusi (Orang yang berpengalaman atau berkelayakan atau pengalaman yang sesuai)
- ❧ 12 orang ahli tambahan Lembaga Rayuan (Perenggan 36(2)(b))

❧ bidang tugas **LEMBAGA RAYUAN**

Subseksyen 36(10) memperuntukkan Lembaga Rayuan mempunyai bidang tugas seperti berikut :-

- ❧ Mendengar rayuan daripada perayu dan juga PBPT
- ❧ Memanggil dan memeriksa saksi.
- ❧ Mengkehendaki orang yang terlibat mengangkat sumpah dan menyatakan hal yang benar sahaja.
- ❧ Mengesahkan, mengubah atau mengkas perintah atau keputusan yang dirayu.
- ❧ Mengwardkan kos.
- ❧ Membuat apa-apa perintah sama ada berkaitan dengan Akta 172 atau pun tidak.



❧ perkara-perkara **YANG BOLEH DIRAYU**

Berikut merupakan perkara-perkara yang boleh dibuat rayuan melalui Lembaga Rayuan :-

Perenggan 23(1)(a) dan 23(1)(b) memperuntukkan rayuan terhadap kebenaran merancang sekiranya seseorang terkilan dengan :-

- ❧ Keengganan PBPT untuk memberi kebenaran merancang atau syarat-syarat yang dikenakan dalam sesuatu kebenaran merancang ke atas sesuatu kebenaran merancang itu;
- ❧ Rayuan oleh pemilik tanah berjiran yang telah membantah di bawah subseksyen 21(6) berhubung permohonan untuk kebenaran merancang.

Subseksyen 25(9) memperuntukkan rayuan terhadap amaan pampasan sekiranya seseorang terkilan dengan:-

- ❧ Apa-apa amaan pembayaran balik.
- ❧ Pampasan yang ditawarkan atau dibayar kepadanya daripada PBPT mengenai pembatalan dan pengubahsuaian kebenaran merancang dan pelan bangunan.

